

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG**

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

**SURAT PEKELILING
YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BILANGAN 8 TAHUN 2009**

EDARAN KEPADA :

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Setiausaha Bahagian
Semua Ketua Penolong Setiausaha
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

DASAR KESELAMATAN ICT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk melaksana dan menghebahkan Dasar Keselamatan ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri.

2. Dasar Keselamatan ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ini merupakan usaha dan langkah-langkah bagi menjamin keselamatan ICT Kerajaan Negeri secara menyeluruh daripada ancaman-ancaman pencerobohan dan melindungi aset ICT Kerajaan Negeri.

LATAR BELAKANG

3. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bilangan 8 Tahun 2009 ini adalah selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 bertajuk "Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan" daripada MAMPU.

4. Selaras dengan penggunaan ICT yang meluas di pentadbiran negeri serta pelbagai bentuk ancaman ICT, Dasar Keselamatan ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ini amat penting dikuatkuasakan bagi melindungi aset ICT Kerajaan Negeri.

KANDUNGAN DASAR

5. Dasar ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut :

- (a) Prinsip-prinsip
- (b) Pembangunan dan Penyelenggaraan Dasar
- (c) Organisasi Keselamatan
- (d) Kawalan dan Pengelasan Aset
- (e) Keselamatan Sumber Manusia
- (f) Keselamatan Fizikal
- (g) Pengurusan Operasi dan Komunikasi
- (h) Kawalan Capaian
- (i) Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem
- (j) Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan
- (k) Pematuhan


PERLAKSANAAN

6. Semua Ketua Jabatan perlu memastikan Pematuhan kepada Dasar Keselamatan ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang boleh dimuat turun di Portal Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (<http://suk.pahang.gov.my>).
7. Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri untuk diterima pakai manakala Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.
8. Dasar Keselamatan ICT meliputi bidang yang meluas keseluruh aspek pentadbiran. Pelaksanaan bagi sesuatu pejabat adalah secara keseluruhan atau sebahagian daripada dasar tersebut.
9. Pemantauan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT ini akan dilaksanakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang di mana yang sesuai.

TARIKH KUATKUASA

10. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL, SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.)
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG